



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IRSYAD AL-FATWA

PERKARA: CADANGAN MEWUJUDKAN SKIM PEMBIAYAAN PERUMAHAN
UNTUK KAKITANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM KEDAH (MAIK) MELALUI KAEDAH
BAI' BITHAMAN AJIL (BBA)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Bil. 02/2023 pada 12 Mac 2023 bersamaan 19 Syaaban 1444H telah berbincang mengenai **Cadangan Mewujudkan Skim Pembiayaan Perumahan Untuk Kakitangan Majlis Agama Islam Kedah Melalui Kaedah Bai' Bithaman Ajil (BBA)** dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut:

1. Baitulmal adalah sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus sumber hasil untuk kemaslahatan umat Islam khususnya di negeri Kedah.
2. Walaupun Seksyen 5(3) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan bidang kuasa Majlis boleh mewujudkan skim pembiayaan perumahan di bawah Baitulmal. Namun Majlis dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dalam mengurus harta Baitulmal agar selari dengan matlamat asal penubuhan Baitulmal.
3. Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa berpandangan tiada sebarang halangan bagi pihak Baitulmal untuk mengujudkan apa-apa skim yang memberi manfaat kepada kakitangan MAIK sekiranya jika kewangan Baitulmal berada dalam kedudukan yang stabil dan semua liabiliti Baitulmal terhadap kepentingan umat Islam telah disempurnakan dengan syarat;
 - i) Skim-skim tersebut tidak bercanggah dengan matlamat asal penubuhan Baitulmal;
 - ii) Skim pembiayaan yang bakal ditawarkan kepada pelanggan (kakitangan MAIK) hendaklah berisiko rendah antaranya Skim *Ujrah Thummal Bai'* supaya dapat menzahirkan konsep ta'awun antara MAIK dengan peminjam; dan
 - iii) Prospek jangka panjang skim yang ditawarkan tidak mendatangkan sebarang beban mahupun kemudharatan kepada MAIK.
4. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa menasihatkan supaya pihak MAIK dapat mempertimbangkan kaedah pembiayaan perumahan yang mampu memenuhi kepentingan pihak MAIK dan hak peminjam. Wallahu a'lam,

Disahkan oleh;

DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,
DPSS., DSDK., AMK., BCK.
MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh: 27 Mac 2023 bersamaan 5 Ramadan 1444